

Artikel

Ekspresi Emosi sebagai Satu Bentuk Komunikasi Watak Menerusi *Hikayat Nakhoda Muda* dan *Hikayat Parang Puting*
(*Emotional Expression as a Figure of Character Communication through *Hikayat Nakhoda Muda* and *Hikayat Parang Puting**)

Nadiatul Shakinah Abdul Rahman*

Bahagian Kesusasteraan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang, Malaysia

*Pengarang Koresponden: nadiatulshakinah@usm.my

Diserah: 23 Mei 2023

Diterima: 13 Jun 2023

Abstrak: Kesusasteraan yang dihasilkan bertujuan untuk dikongsikan bersama khalayak pembaca. Penghasilan karya sastera bertunjangkan kepada idea, pemikiran, gagasan dan perasaan pengarang yang diadun menggunakan medium bahasa sebagai saluran penyampaian. Bahasa berfungsi sebagai alat komunikasi dalam menyampaikan ilmu, idea, pendapat, buah fikiran, melahirkan emosi dan perasaan melalui pengucapan, gerak-geri atau bahasa badan, tulisan, lukisan dan isyarat. Sehubungan itu, emosi merupakan salah satu unsur yang mendasari sesebuah karya sastera. Hal ini kerana unsur emosi di dalam karya sastera bukan sahaja berperanan sebagai saluran komunikasi tetapi, turut mewarnai dan mencorakkan penceritaan di dalam karya tersebut. Lantaran itu, menerusi artikel ini akan membincangkan ekspresi emosi watak sebagai wahana komunikasi watak utama dalam *Hikayat Nakhoda Muda* dan *Hikayat Parang Puting* yang digunakan sebagai data kajian artikel ini. Artikel ini akan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis data kajian. Justeru, penelitian terhadap ekspresi emosi akan ditelusuri menerusi ekspresi wajah, suara, tingkah laku dan sentuhan dalam berkomunikasi. Hasil dapatan artikel ini akan dapat memberikan sumbangan dalam pengkajian ekspresi emosi khususnya dalam kesusasteraan dan menjadi rujukan kepada para pengkaji yang seterusnya.

Kata kunci: bahasa; emosi; ekspresi; komunikasi; *Hikayat Nakhoda Muda*; *Hikayat Parang Puting*

Abstract: The literature produced is intended to be shared with the readership. The production of literary works relies on the author's ideas, thoughts, ideas, and feelings which are blended using the medium of language as a delivery channel. Language functions as a communication tool in conveying knowledge, ideas, opinions, and thoughts, expressing emotions and feelings through speech, gestures or body language, writing, drawing, and gestures. Accordingly, emotion is one of the underlying elements of a literary work. This is because emotional elements in literary works not only act as a channel of communication but also color and pattern the narration in the work. Therefore, this paper will discuss the character's emotional expression as the main character's communication vehicle in *Hikayat Nakhoda Muda* and *Hikayat Parang Puting* which is used as research data for this paper. This paper will use the method of library and analyzing research data. Therefore, research on emotional expression will be explore through facial expression, voice, behavior, and touch in communication. The findings of this paper will be able to contribute to the study of emotional expression especially in literature and become a reference for the next researchers.

Keywords: language; emotion; expression, communication; *Hikayat Nakhoda Muda*; *Hikayat Parang Puting*

Pengenalan

Karya sastera merupakan penghubung komunikasi manusia antara pengarang dan khalayak pembaca. Komunikasi yang wujud itu diperlihatkan oleh pemaparan watak-watak yang dilukiskan oleh pengarang untuk dikongsikan bersama khalayak pembaca. Hal ini kerana penghasilan sesebuah karya sastera itu mengandungi pemikiran, gagasan, idea dan emosi yang ditampilkan menerusi penggunaan bahasa sebagai medium penyampaian. Bahasa adalah satu sistem lambang bunyi yang merupakan alat perhubungan antara manusia. Bahasa berfungsi sebagai alat komunikasi dalam menyampaikan ilmu, idea, pendapat, buah fikiran, melahirkan emosi dan perasaan melalui pengucapan, gerak-geri (bahasa badan), tulisan, lukisan, isyarat dan sebagainya. Bahasa juga merupakan satu sistem komunikasi yang menggunakan bunyi-bunyi ujaran yang bersifat arbitrari dan akan menghasilkan makna-makna tertentu. Menurut Omar (1990:1), bahasa adalah alat komunikasi terpenting manusia atau perhubungan antara manusia dalam kehidupan sehari-hari. Bahasa yang digunakan merupakan sistem lambang yang mengaitkan manusia dengan sesuatu benda yang konkrit ataupun sesuatu yang abstrak agar pengguna bahasa dapat memahami sesuatu perkara yang dibincangkan.

Sehubungan itu, jelaslah dapat difahami bahawa manusia akan berkomunikasi menggunakan bahasa terutamanya dalam melahirkan dan mengungkapkan emosi. Hal ini kerana elemen emosi merupakan bahan dasar dan menjadi salah satu unsur terpenting dalam menghasilkan sesebuah karya sastera (Aziz, 2012:175). Malah, emosi juga merupakan anugerah Allah kepada manusia yang membezakan manusia dengan makhluk ciptaan-Nya yang lain. Manusia akan bertindak balas, mempamerkan ekspresi dan tingkah laku yang pelbagai dalam mengungkapkan emosi yang dialami. Menurut Zainal (2007:25), emosi memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia kerana emosi mempengaruhi sebahagian besar kehidupan, bermula dari saat seseorang dilahirkan sehinggalah ke akhir hayatnya. Tiada satu pun manusia yang lahir tanpa emosi dan sering kali emosinya terserlah sebelum kebolehan seseorang berfikir dapat dipamerkan.

Pemaparan elemen emosi dalam karya sastera juga bertujuan untuk mendidik dan memimpin emosi manusia ke arah emosi yang lebih stabil. Oleh kerana itulah, elemen emosi dalam karya sastera berperanan sebagai saluran komunikasi antara watak-watak dengan khalayak yang membaca karya tersebut. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Kadir (2005:134-135):

Unsur emosi dan kesusasteraan pernah dihubungkan oleh Aristotle dengan fungsi katarsis iaitu untuk mendidik dan memandu emosi manusia bagi menjadikannya lebih stabil apabila berdepan dengan sesuatu tragedi, tekanan emosi dan kemelut hidup. Kesusasteraan Melayu mempunyai sumber yang kaya dengan nilai dan emosi. Malah, kesusasteraan Melayu perlu dimanfaatkan untuk membentuk keperibadian generasi muda. Karya-karya sastera Melayu yang bermutu tinggi waima yang berupa novel, cerpen, drama, sajak, puisi dan prosa tradisional bukan sahaja berperanan sebagai wahana tetapi mampu menggilap potensi diri khalayak. Khalayak yang menghayati watak dan perwatakan dalam sesebuah karya yang dibacanya dapat memperkembang emosinya sendiri. Misalnya, watak dalam karya yang memperlihatkan emosi seperti simpati, sedih, kecewa dan pasrah. Dengan itu, khalayak yang menjiwainya akan turut beremosi dan bersimpati terhadap watak-watak yang terdapat dalam karya sastera tersebut.

Berdasarkan pandangan tersebut, dapat membuktikan bahawa karya sastera merupakan sebuah penulisan yang kaya dengan nilai dan emosi serta berupaya dalam membentuk peribadi manusia. Penghayatan khalayak terhadap emosi watak dalam karya sastera juga dapat membantu dalam memperkembangkan emosi dan mendidik manusia menjadi individu yang lebih peka, berempati dan sensitif. Oleh kerana itulah, pengarang akan berusaha sedaya upaya bermain emosi khalayak melalui watak-watak ciptaannya dalam karya sastera yang dihasilkan.

Lantaran itu, pemaparan emosi dalam karya sastera yang diperlihatkan melalui watak-watak ini juga telah membuktikan bahawa wujudnya komunikasi antara watak-watak tersebut. Hal ini dapat ditelusuri melalui ekspresi emosi yang dipamerkan melalui tingkah laku dan pertuturan watak dalam melahirkan emosinya. Justeru, artikel ini akan memfokuskan kepada ekspresi emosi sebagai satu bentuk komunikasi watak menerusi *Hikayat Nakhoda Muda* dan *Hikayat Parang Puting* yang dipilih sebagai data kajian ini. Kedua-dua teks naskhah ini dipilih berdasarkan penceritaan dan watak yang ditampilkan itu dipenuhi dengan adegan emosi yang melibatkan watak-watak wanita sebagai watak utama dalam kedua-dua teks. *Hikayat Nakhoda Muda* mengisahkan watak utamanya iaitu Tuan Puteri Ratna Kemala yang menyamar menjadi

seorang nakhoda dan mengembara untuk mencari saudaranya, Maharaja Johan Syah yang tidak pulang ke istana selama hampir tujuh tahun. Sepanjang pemergian baginda, tuan puteri menanggung rindu yang mendalam sehingga akhirnya mendorong tuan puteri untuk mencederakan dirinya disebabkan emosinya yang tidak stabil. Pelbagai cabaran yang telah ditempuhi oleh tuan puteri sepanjang pencarian saudaranya sehingga mereka bertemu semula. Manakala, *Hikayat Parang Putting* pula mengisahkan Tuan Puteri Langgam Cahaya yang difitnah dan disihir hamil sehingga menyebabkan tuan puteri disumpah dan dibuang ke dunia. Pelbagai cabaran dan rintangan yang terpaksa dihadapi memberikan satu tekanan emosi kepada tuan puteri yang hidup sebatang kara dan hamil tanpa ikatan perkahwinan. Pada akhirnya tuan puteri kembali bertemu semula dengan keluarganya dan dibuang sumpahan tersebut.

Sorotan Literatur

1. Bentuk-Bentuk Komunikasi dalam Memerihalkan Emosi


Bagi memastikan komunikasi berjalan dengan baik dan lancar, terdapat beberapa elemen penting yang perlu diambil kira. Proses komunikasi biasanya berlangsung apabila adanya elemen-elemen seperti sumber atau penghantar maklumat, mesej, saluran dan penerima maklumat. Menurut Othman dan Ahmad (2015:33-34), komunikasi merupakan proses yang melibatkan beberapa elemen penting dalam penghantaran mesej daripada seseorang individu kepada individu atau kelompok lain. Komunikasi yang berkesan bergantung kepada pengembelangan unsur-unsur komunikasi yang terlibat bagi memastikan proses komunikasi berterusan. Proses komunikasi melibatkan enam unsur utama iaitu sumber, mesej, saluran, penerima, maklum balas dan gangguan. Komunika yang berkesan berlaku sekiranya sumber dan penerima mempunyai kefahaman terhadap mesej yang diterima dalam menyalurkan mesej tanpa mengambil kira media yang digunakan.

Komunikasi boleh berlaku sama ada secara bentuk lisan atau bukan lisan. Namun, dalam kehidupan seharian manusia akan saling berkomunikasi secara lisan ketika bertutur, berucap atau dalam bentuk bertulis. Namun, begitu dalam memerihalkan emosi, adakalanya agar sukar untuk diterjemahkan dalam bentuk lisan kerana tidak semua emosi itu dipaparkan secara lahiriah. Hal ini kerana kebanyakannya akan berkomunikasi menggunakan anggota badan dalam mengekspresikan emosi mereka. Dalam hal ini, Othman dan Ahmad (2015:49-50) menjelaskan bahawa medium lisan seperti pertuturan dan penulisan lazim digunakan untuk berkomunikasi dan maklumat yang disampaikan oleh pengirim juga mudah difahami oleh penerima. Namun, adakalanya dalam berkomunikasi, individu tidak dapat mengelak daripada menggunakan anggota badan semasa berinteraksi. Walaupun, pergerakan anggota badan dalam memerihalkan tingkah laku seseorang bukan satu kaedah menyampaikan maklumat, tetapi tingkah laku yang dipaparkan itu merupakan aspek penting dalam komunikasi. Perkara penting dalam proses komunikasi bukanlah bentuk yang digunakan dalam menyampaikan mesej secara lisan atau bukan lisan tetapi, proses interaksi dan pertukaran maklumat antara sumber dan khalayak. Ini amat bersesuaian dengan konsep komunikasi sebagai kaedah dalam menyebarkan maklumat, pemikiran, sikap atau emosi dari seseorang individu kepada individu atau kelompok lain dengan menggunakan simbol-simbol yang mudah difahami oleh khalayak.

Penelitian terhadap beberapa pandangan sarjana mendapati bahawa terdapat pelbagai bentuk komunikasi dalam memerihalkan mesej terutamanya yang melibatkan emosi. Hal ini kerana tidak semua emosi itu dapat difahami secara langsung tetapi, kadang kala perlu difahami juga melalui penggunaan anggota badan. Gerakan anggota badan misalnya mampu mengungkap dan merungkai mesej emosi yang ingin disampaikan oleh pengirim kepada penerimanya. Proses komunikasi itu akan berlaku dengan mudah dan dapat difahami.

Dalam memerihalkan emosi, lazimnya banyak dibantu dengan gerakan anggota badan yang mempamerkan pelbagai bentuk tingkah laku. Keadaan ini disebut sebagai komunikasi bukan lisan. Komunikasi bukan lisan merupakan komunikasi tanpa perkataan. Komunikasi bukan lisan merupakan satu bentuk mesej komunikasi yang penting. Komunikasi bukan lisan mampu untuk menafsir emosi, personaliti, tujuan dan status sosial seseorang. Komunikasi bukan lisan juga dapat meningkatkan keberkesanan penyampaian mesej dan berfungsi sebagai pelengkap kepada komunikasi lisan (Othman dan Ahmad, 2015:58-59).


Menurut Othman dan Ahmad (2015:64), terdapat lima bentuk komunikasi bukan lisan iaitu proksemik, kinesik, paralinguistik, kronemik dan artifaktual. Berikut merupakan rajah 1 mengenai kategori bentuk komunikasi bukan lisan:



Rajah 1. Bentuk komunikasi bukan lisan
 Sumber: Othman & Ahmad (2015:64)

Dalam membicarakan mengenai komunikasi bukan lisan yang melibatkan emosi, lazimnya banyak menggunakan bentuk kinesik. Menurut Othman dan Ahmad, (2015:66), kinesik merujuk kepada gerakan anggota badan manusia semasa berkomunikasi. Kinesik amat penting dalam menggambarkan emosi, kemesraan, tingkah laku dan hubungan antara individu. Kinesik terbahagi kepada beberapa bentuk iaitu isyarat mata, mimik muka, sentuhan serta gerakan badan dan tangan.

Selain itu, Hude (2002:46) turut memberikan pandangannya mengenai ekspresi emosi yang dapat diperlihatkan menerusi ekspresi wajah, ekspresi suara, ekspresi sikap dan tingkah laku serta ekspresi lain-lain seperti yang digambarkan dalam rajah 2 berikut:



Rajah 2. Bentuk ekspresi emosi
 Sumber: Hude, (2002:46)

Justeru, dapat disimpulkan bahawa terdapat beberapa bentuk komunikasi bukan lisan dalam berhubung dan berinteraksi sesama manusia. Namun, dalam konteks kajian ini, penelitian terhadap bentuk komunikasi emosi akan ditelusuri menerusi bentuk kinesik dan ekspresi emosi dalam berkomunikasi seperti yang dijelaskan oleh Othman dan Ahmad (2015) serta Hude (2002). Oleh itu, dalam kajian ini hanya memfokuskan kepada beberapa bentuk kinesik dan ekspresi emosi seperti yang digambarkan dalam kedua-dua teks yang dikaji bagi membuktikan wujudnya ekspresi emosi sebagai wahana komunikasi watak.

Metodologi

Artikel ini akan menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks dengan menggunakan konsep bentuk ekspresi tingkah laku yang dibicarakan oleh Hude (2002) seperti yang dipaparkan dalam rajah 2. Tatacara dan proses bagi mendapatkan data kedua-dua naskhah ini adalah pertama, dengan melakukan saringan dan pengelasan data kajian. Saringan dan pengelasan ini dibahagikan kepada empat bahagian mengikut kepada bentuk ekspresi seperti ekspresi wajah, suara, tingkah laku dan sentuhan. Kedua, empat bahagian ini dipersembahkan sebagai hasil dapatan kajian dengan memfokuskan kepada watak dan peristiwa yang memaparkan ekspresi tersebut. Pada akhirnya, membuat kesimpulan berdasarkan data kajian yang telah diperoleh itu.

Dapatan Kajian

Individu akan berinteraksi sesama individu atau kelompok lain terutamanya dalam komunikasi emosi dapat diperlihatkan dengan jelas melalui ekspresi yang ditunjukkan bagi mewakili emosi yang dialaminya ketika itu. Hal ini kerana apabila berlakunya proses komunikasi tidak dapat menzahirkan emosinya secara lisan tetapi, dapat ditonjolkan melalui ekspresi dan gerakan anggota tubuh badan.

1. Ekspresi Wajah

Emosi manusia sangat jelas dapat diperlihatkan melalui ekspresi wajah. Hal ini kerana ketika manusia berhadapan dengan sesuatu peristiwa yang menyentuh emosinya secara tidak langsung dapat diperlihatkan melalui perubahan wajahnya. Kadang-kala emosi yang dialami itu tidak mampu untuk digambarkan melalui kata-kata tetapi dapat dizahirkan melalui ekspresi wajah ketika berinteraksi.

Menurut Hude (2002:47), ekspresi wajah merupakan ekspresi paling umum terjadi ketika seseorang mengalami peristiwa emosi. Beberapa bentuk wajah seperti pucat, mengerut, murung dan muram merupakan bentuk yang lazim dialami manusia. Selain itu, pernyataan Jalaludin yang dipetik oleh Othman dan Ahmad (2015:67) menjelaskan bahawa mimik muka seseorang dapat memberikan sekurang-kurangnya sepuluh kelompok makna iaitu kebahagiaan, terkejut, ketakutan, ketakjuban, kesedihan, kemuakan, mengecam, kemarahan, minat dan tekad. Raut wajah sukar untuk ditutupi dan dikawal kerana perubahannya terjadi daripada hasil rangsangan dalam diri manusia terhadap peristiwa emosi yang dialaminya (Othman dan Ahmad (2015:68). Berdasarkan pengamatan terhadap teks yang dikaji mendapati bahawa sememangnya watak-watak berkomunikasi antara sama lain melalui ekspresi wajah. Perhatikan contoh petikan teks seperti yang berikut:

Sambil disapunya dengan air mawar muka anakanda baginda itu. Setelah itu maka Raja Bikrama Indera itu pun nyedarlah daripada pengsansnya lalu baginda duduk dengan letih rasa tubuh baginda. Maka mukanya pun pucat-pucat manis. Maka terlalu amat belas hati bondanya melihat rupa anakanda baginda yang demikian seraya kata baginda, "Oh anakku tuan, biar bonda meminningkan Tuan puteri yang lain yang terlebih elok majlis rupanya daripada tuan Puteri Rakna Kemala!"

(*Hikayat Nakhoda Muda*, 2004:66)

Penelitian terhadap petikan teks ini, jelas menunjukkan wujudnya interaksi emosi watak Raja Bikrama Indera dengan permaisuri melalui ekspresi wajah iaitu mukanya pun pucat-pucat manis. Setelah Raja Bikrama Indera mengetahui identiti sebenar nakhoda iaitu Tuan Puteri Ratna Kemala, telah menimbulkan rasa terkejut dan menyesal kerana telah berbuat tidak baik terhadap tuan puteri dan kakandanya iaitu Maharaja Johan Syah yang dijadikan sebagai pengembala kuda raja. Keadaan tersebut telah menyebabkan emosi Raja Bikrama Indera tidak stabil dan akhirnya mendorong kepada perilaku luar kawalan iaitu pengsan dan tidak sedarkan diri. Emosi terkejut itu amat jelas diperlihatkan menerusi ekspresi wajah yang turut meruntun emosi dan jiwa

permaisuri kerana bersimpati dengan kejadian yang menimpa anaknya itu. Malah, permaisuri juga turut memujuk Raja Bikrama Indera untuk meminang Tuan Puteri Ratna Kemala. Menurut Hude (2002:48), secara umumnya ekspresi wajah paling mudah untuk dikenali kerana banyak organ yang berubah seperti alis mata, dahi, kelopak mata, hidung, pipi, mulut dan bibir. Dalam petikan tersebut amat ketara dilihat melalui perubahan muka watak yang pucat kerana terkejut setelah mengetahui perkara yang sebenar. Perhatikan pula contoh yang kedua:

*Maka Mambang Rakna Dewa pun mengambil pakaian itu lalu dibawanya kepada bondanya itu, disuruh taruh. Maka bondanya pun menangis seraya katanya, "Jika ia hendak berjumpa dengan aku tiada aku mahu, malu aku kerana sudah menurut rupa orang dunia ini, maka itulah malu aku hendak bertemu dengan dia." Maka kata anaknya, "Diamlah bonda janganlah sangat menangis, sudah kehendak Dewata di atas bondaku." Maka kata Raja Helang, "Apa mulanya maka **muka tuanku masam** ini?" Maka kata Mambang Dewa Keinderaan, "Hai saudaraku, sebagaimana **muka hamba tiada masam** kerana hamba melihat bonda hamba itu sangat bercinta kerana tiada lagi lepas malapetakanya itu tatkala akan disumpah oleh ayahandanya itu."*

(*Hikayat Parang Puting, 1980:120*)

Pengamatan terhadap petikan teks amat jelas sekali menunjukkan wujudnya komunikasi emosi melalui ekspresi wajah. Hal ini dapat dilihat menerusi gambaran pengarang terhadap perubahan wajah watak iaitu muka yang masam yang membawa maksud watak Mambang Dewa Keinderaan amat berdukacita melihat bondanya yang menangis. Keadaan tersebut telah menyebabkan Mambang Dewa Keinderaan amat berdukacita dan bersimpati dengan keadaan bondanya. Oleh kerana itulah, baginda mengekspresikan emosinya melalui wajahnya yang masam sehingga menerima teguran dari Raja Helang yang hairan melihat ekspresi wajah baginda. Keadaan ini amat jelas membuktikan wujudnya interaksi emosi antara Mambang Dewa Keinderaan dengan Raja Helang melalui ekspresi wajah. Menurut Jalaludin dalam Othman dan Ahmad (2015:67), salah satu kelompok makna mimik muka ialah kesedihan seperti yang dialami oleh Mambang Dewa Keinderaan.

2. Ekspresi Suara

Dalam menzahirkan emosi juga dapat diperlihatkan melalui lontaran suara atau nada seseorang. Hal ini kerana apabila seseorang berhadapan dengan sesuatu peristiwa emosi secara tidak langsung turut mengekspresikannya melalui perubahan suara dan nada. Menurut Hude (2002:51), ketika beremosi ekspresi suara dapat dikenali melalui pergaulan sehari-hari seperti gelak tawa, teriak, makian dan bersenandung. Komunikasi dalam bentuk ekspresi suara lebih mudah untuk difahami dan lebih berpengaruh jika dibandingkan dengan komunikasi berbentuk tulisan. Pengaksenan dalam pertuturan sangat membantu dalam memahami makna yang disampaikan oleh penutur.

Othman dan Ahmad (2015:71-72) menyatakan bahawa isyarat suara dikenali sebagai paralinguistik iaitu elemen lisan yang keluar dari mulut tetapi tidak dalam bentuk perkataan. Paralinguistik penting kerana makna daripada mesej lisan selalunya bergantung pada tanda paralinguistik. Selain itu, paralinguistik berfungsi dalam menyatakan perasaan, mengawal, mengarah, menekan sesuatu maksud dan meningkatkan kadar pembujukan. Lazimnya, penggunaan nada suara tinggi dan rendah secara bersilih ganti juga dapat menekankan sesuatu maksud yang ingin disampaikan.

Jika diperhatikan dalam teks naskhah mendapati bahawa berlakunya proses komunikasi watak melalui ekspresi suara. Hal ini seperti yang digambarkan dalam petikan teks yang berikut:

*Sebermula maka segala raja-raja dan menteri hulubalang rakyat sekalian itu pun sangatlah hairan tiada berkata-kata lagi kerana baginda itu telah alah taruhan. Maka baginda pun datanglah mendapatkan anakanda baginda Nakhoda Muda seraya bertitah, "Anakanda! Marilah tuan. Ayahanda serahkan negeri ini kerana negeri Berantah Indera ini tuanlah empunya. Sekarang pun mana perintah tuanlah, tiada ayahanda lalui lagi." Syahadan maka terlalulah belas kasihan rasa hati nakhoda itu kerana mendengar baginda berkata-kata itu, **putus-putus suaranya sebab baginda menahani air mata baginda**. Maka sembah nakhoda itu, "Ya Tuanku Syah Alam, telah terjunjunglah atas batu kepala patik. Jikalau ada derma kurnia duli tuanku akan patik yang hina papa ini dan mohonlah patik menjadi raja tuanku. Hanya yang patik pohonkan jikalau ada kasih tuanku*

bahtera yang tergalang itu juga dengan orang yang yang mengembala kuda tuanku itulah yang patik minta ke bawah Duli Syah Alam.” Setelah baginda mendengar sembah nakhoda itu demikian, “Baiklah tuan, janganakan sekian itu, walaupun sepuluh kain sekalipun tiadalah ayahanda lahui.”

(Hikayat Nakhoda Muda, 2004:22)

Berdasarkan petikan teks menunjukkan ekspresi suara Duli Syah Alam yang menahan rasa sedih kerana kalah dalam pertarungan. Kekalahan tersebut telah menyebabkan baginda kehilangan dan terpaksa menyerahkan negeri Berantah Indera yang diperintahnya. Kesedihan baginda itu jelas diekspresikan melalui suara baginda yang putus-putus kerana menahan air mata. Situasi ini amat jelas menunjukkan bahawa baginda bukan sahaja bersedih tetapi, dalam masa yang sama menahan diri daripada menangis. Ekspresi suara tuanku itu juga telah menimbulkan rasa simpati dalam diri Nakhoda Muda. Proses komunikasi yang wujud antara kedua-dua watak ini jelas membuktikan bahawa seseorang individu akan menzahirkan emosinya dengan individu lain melalui ekspresi emosi suara. Dalam hal ini, Othman dan Ahmad (2015:72) menjelaskan bahawa nada suara akan mempengaruhi perhatian dan tumpuan khalayak terhadap kata-katanya. Perhatikan pula petikan teks yang berikut:

Maka baginda pun terlalulah marah akan tuan puteri itu, katanya, “Anak celaka ini, tiadalah baik ditaruh di kayangan, adapun orang kayangan tiada pernah ia membuat pekerjaan yang jahat, baharu kepada anak celaka inilah diperbuatnya, memberi malu akan kita.” Maka tuan puteri pun tunduk diam sehingga air matanya juga berhamburan seperti mutiara jatuh daripada karangnya...

(Hikayat Parang Puting, 1980:38-39)

Penelitian terhadap petikan teks ini telah membuktikan bahawa ekspresi suara dapat mencerminkan emosi yang dialami oleh seseorang individu. Berdasarkan pertuturan Dewa Laksana Dewa itu telah menunjukkan wujudnya emosi marah dalam dirinya akibat perbuatan tidak bermoral Tuan Puteri Langgam Cahaya yang hamil tanpa ikatan perkahwinan. Keadaan tersebut telah menimbulkan kemarahan dan ketegangan antara kedua-dua watak. Berdasarkan kata-kata yang dituturkan oleh baginda juga amat jelas menekankan mesej dengan menggunakan nada yang keras. Ekspresi suara baginda itu telah menyebabkan tuan puteri berasa sedih sehingga mengalirkan air mata kerana dimarahi ayahandanya. Proses komunikasi antara kedua-dua watak membuktikan bahawa wujudnya ekspresi emosi melalui suara dengan memberikan penekanan kena nada pengucapannya. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Othman dan Ahmad (2015:67) bahawa penggunaan nada suara yang tinggi dapat menekankan sesuatu maksud yang ingin disampaikan seperti yang dipertuturkan oleh watak Dewa Laksana Dewa.

3. Ekspresi Tingkah Laku

Apabila manusia berinteraksi ketika berhadapan dengan pengalaman dan peristiwa emosi amat ketara diperlihatkan menerusi tingkah laku. Tingkah laku manusia akan bertindak balas terhadap emosi yang dialami ketika berhadapan dengan sesuatu peristiwa. Menurut Hashim dalam Othman dan Ahmad (2015:69), komunikasi melalui gerakan anggota tubuh seperti badan dan tangan dikenali juga sebagai gestural. Gerakan badan, gerak tangan, cara berdiri, dan cara duduk merupakan beberapa contoh dalam memberikan gambaran tingkah laku seseorang seperti mendorong-menghalang, bertindak balas pasif, perasaan positif atau negatif.

Ekspresi emosi dalam bentuk tingkah laku terbahagi kepada dua iaitu tingkah laku penglibatan diri dan pelepasan diri. Tingkah laku penglibatan diri bermaksud mempertahankan dan akan menyelesaikan masalah yang mengganggu kestabilan emosinya. Manakala, tingkah laku pelepasan diri bermaksud melarikan, melepaskan dan menghindari dari perkara yang akan menimbulkan emosinya (Hude, 2002:52). Pemerhatian terhadap naskhah mendapati bahawa wujudnya komunikasi watak melalui ekspresi tingkah laku seperti yang digambarkan dalam contoh berikut:

Sebermula maka kata tuan puteri, “Hai mamanda, betapalah gerangan halnya kakanda itu maka belum juga baginda datang kerana janjinya tiadakan lama. Baiklah mamanda menyuruh orang perbaiki sebuah bahtera kerana beta hendak pergi mencari kakanda itu, apa gerangan sebabnya maka baginda belum juga kembali dan bertapakah halnya di dalam negeri orang sekarang. Maka khabarnya pun tiada. Entah mati gerangan baginda atau karamkah di dalam laut gerangan siapa tahu akan hal yang demikian itu, maka tiadalah baginda kembali-

kembali lagi.” Syahadan maka sahut Perdana Menteri, “Jangan tuanku pergi sendiri mencari paduka kakanda itu. Biarlah mamanda suruhkan orang lain kerana bukannya patut tuanku anak perempuan pergi berlayar itu, menjadi aiblah nama ayahanda tuan disebut-sebut orang. Lupakah tuanku akan pesan paduka kanda itu.” Setelah didengar oleh tuan puteri kata Perdana Menteri itu maka tuan puteri pun menangis, **menghempaskan dirinya** lalu ia **mengambil gunting pada pimidangnya, hendak menikam dirinya** seraya kata baginda, “Biarlah aku mati sekali daripada hidup menaruh percintaan yang tiada berkesudahan ini.” Setelah dilihat oleh Perdana Menteri dan segala inang pengasuhnya sekalian itu pun menangislah seraya katanya, “Sudahlah tuanku, jangan menangis. Biarlah mamanda suruh berlekap orang akan mengerjakan bahtera itu. Manakala tuanku akan berangkat.”

(Hikayat Nakhoda Muda, 2004:11)

Ekspresi tingkah laku merupakan ekspresi emosi yang mudah untuk dikenal pasti dalam menggambarkan emosi yang dialami ketika berhadapan dengan peristiwa tertentu. Hal ini dapat ditelusuri melalui ekspresi tingkah laku watak Tuan Puteri Ratna Kemala seperti menghempaskan diri dan mengambil gunting untuk menikam diri. Tingkah laku tersebut membuktikan bahawa tuan puteri mengalami emosi sedih akibat dihalang oleh mamanda Perdana Menteri untuk keluar belayar. Halangan tersebut telah menyebabkan emosi tuan puteri tidak stabil sehingga menyebabkan berlakunya tingkah laku luar kawalan seperti cubaan membunuh diri. Ekspresi tingkah laku tersebut adalah refleksi kerana perasaan sedih dan marah yang dialami tuan puteri. Ekspresi tingkah laku tersebut juga bertujuan untuk menarik perhatian orang-orang disekelilingnya. Oleh kerana itulah, berlakunya proses interaksi antara watak Tuan Puteri Ratna Kemala dengan mamanda Perdana Menteri. Setelah berlakunya perilaku yang boleh membahayakan nyawa tuan puteri, maka mamanda Perdana Menteri memberikan keizinan kepada tuan puteri untuk belayar mencari kakandanya, Maharaja Johan Syah. Menurut Maksum (2009:49-51), ketika perasaan emosi wanita sedang memuncak dan tiada ditemukan tempat untuk mencurahkan isi hatinya, biasanya akan mencari jalan penyelesaian dalam melepaskan rasa sesak pada perasaannya itu. Malah, perilaku yang ditonjolkan itu juga adalah untuk mendapatkan sokongan dari orang sekitar. Perhatikan pula contoh petikan teks yang berikut:

Adapun Mambang Segara Indera berkata-kata itu serta dengan marahnya seraya katanya, “Jikalau tuan tiada suka pun tiada apalah tetapi hendaklah tuan ingat-ingat kalau-kalau menjadi sesal dan beroleh dukacita yang amat besar kepada dirinya tuan.” Setelah didengar oleh tuan puteri akan kata Mambang Segara Indera itu, maka disahut oleh tuan puteri, “Sudah berbuat jahat peragai banyak pulak tutur katanya kepada kita,” seraya tuan puteri **menepis tangan** Mambang Segara Indera itu lalu ia turun berjalan mendapatkan mak inangnya, “Kakak sekalian marilah kita pulang kerana hari pun hampirlah akan petang.”

(Hikayat Parang Puting, 1980:31)

Berdasarkan paparan petikan teks ini menunjukkan wujudnya interaksi emosi watak melalui ekspresi tingkah laku seperti menepis tangan. Perilaku tersebut merupakan tindak balas spontan watak Tuan Puteri Langgam Cahaya yang marah akan kata-kata yang dituturkan oleh Mambang Segara Indera. Kemarahan tuan puteri itu disebabkan kelancangan tutur kata Mambang Segara Indera yang telah mengugut tuan puteri kerana menolak cintanya. Oleh kerana itulah, tuan puteri bertindak menepis tangan Mambang Segara Indera sebagai tanda marah akan perbuatan dan pertuturan Mambang Segara Indera. Menurut Othman dan Ahmad (2015:70), salah satu kategori gestural ialah pengawalan iaitu mesej gestural dalam mengawal situasi komunikasi dan menonjolkan sifat seseorang seperti yang diperlihatkan melalui tingkah laku tuan puteri yang menepis tangan.

4. Ekspresi Sentuhan

Lazimnya, manusia memerlukan sentuhan untuk memenuhi kehendak psikologi. Sentuhan anggota badan khususnya tangan dapat menggambarkan hubungan antara individu seperti berjabat tangan, berpimpin tangan atau menepuk bahu merupakan antara contoh sentuhan yang mempunyai mesej tertentu. Sentuhan juga dapat menafsir emosi seseorang dan menggambarkan kemesraan, kasih sayang dan pengharapan (Othman dan Ahmad, 2015:68). Keadaan ini dapat diperlihatkan menerusi contoh petikan berikut:

...maka Maharaja Johan Syah itu pun Segaralah datang mendapatkan adinda tuan puteri seraya katanya, “Sudahlah adinda, jangan menagis juga. Diamlah tuan nyawa kakanda. Apa boleh buat, telah diuntukkan Allah

pada kita kedua bersaudara. Sudahlah ayahanda meninggalkan kakanda ini.” Maka baginda berkata-kata itu sambil menyapu air mata baginda maka lalu baginda sapu pula muka saudara baginda tuan puteri dengan air mawar. Maka tuan puteri itu pun ingatlah daripada pengsan itu lalu menangis pula terlalu sangat. Maka Maharaja Johan Syah pun sangatlah masyghul dalam hatinya melihatkan hal laku adinda baginda itu demikian. Maka lalu **dipeluknya** kaki bondanya seraya kata baginda, “Lihatlah bonda kelakuan anakanda kedua ini seperti ayam kematian ibunya, sampailah hati bonda meninggalkan anakanda kedua selaku ini.” Maka gemuruhlah bunyi tangis orang dalam istana itu seperti batu roboh bunyinya.

(*Hikayat Nakhoda Muda*, 2004:3)

Maka Mambang Segara Indera pun naiklah ke atas Balai Gading itu. Setelah Mambang Segara Indera terpandang muka tuan puteri itu maka hatinya pun tiadalah dapat ditahannya lagi, lalu dipegangnya tangan tuan puteri serta **dipeluk dan dicitumnya** seraya berkata, “Aduhai adikku tuan, seri mahkota tajuk gemala penglipur hati kekanda dan cahaya gemala seri kayangan, tuan kasihani apalah akan kekanda ini.” Serta dipeluk dan dicitumnya akan tuan puteri itu.

(*Hikayat Parang Puting*, 1980:30)

Pemerhatian terhadap kedua-dua contoh petikan teks ini, jelaslah bahawa berlakunya interaksi emosi melalui ekspresi sentuhan seperti peluk dan cium. Sentuhan pelukan dan ciuman itu merupakan sentuhan yang menggambarkan emosi kasih sayang. Misalnya, watak Tuan Puteri Ratna Kemala yang sedih kehilangan bondanya dan tuan puteri memeluk kaki jasad bondanya yang kaku itu sebagai tanda kasih sayang tuan puteri kepada bondanya. Begitu juga dengan watak Mambang Segara Indera yang menzahirkan rasa sayang terhadap Tuan Puteri Langgam Cahaya melalui sentuhan pelukan dan ciuman. Dalam hal ini, Othman dan Ahmad (2015:68) yang memetik Adler dan Rodman dengan menyatakan bahawa sentuhan sayang merujuk kepada kemesraan dan hubungan yang berdasarkan cinta dan kasih sayang.

Kesimpulan

Dalam membicarakan mengenai unsur emosi sebagai komunikasi bukan lisan telah dibuktikan menerusi kedua-dua teks naskhah iaitu *Hikayat Nakhoda Muda* dan *Hikayat Parang Puting*. Komunikasi emosi melalui ekspresi wajah, suara, tingkah laku dan sentuhan menepati ciri-ciri yang dinyatakan oleh Othman & Ahmad (2015) serta Hude (2002). Lantaran itu, jelaslah bahawa ekspresi emosi berfungsi sebagai wahana komunikasi watak-watak dalam naskhah Melayu. Komunikasi yang diperihalkan melalui ekspresi dan gerakan anggota tubuh badan dapat menafsir emosi yang dialami watak terhadap peristiwa dan pengalaman emosi. Justeru, adalah wajar mengetengahkan mengenai kajian emosi yang menjadi medium perantaraan komunikasi manusia kerana manusia saban hari akan saling berhubung antara satu sama lain. Malah, manusia juga tidak akan lari daripada mengekspresikan emosinya terhadap peristiwa atau situasi yang dialami. Oleh kerana itulah, manusia juga akan saling bertukar dan berkongsi emosi dalam berkomunikasi. Selain itu, diharapkan agar kajian mengenai komunikasi emosi dapat diperluaskan kajian terutamanya dalam naskhah-naskhah yang lain.

Penghargaan: Penulis mengucapkan terima kasih kerana semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak secara langsung.

Konflik Kepentingan: Penulis isytiharkan tiada konflik kepentingan.

Rujukan

- Ahmad, J. (1980). *Hikayat parang puting*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz, S. A. (2012). Duka sebagai satu ekspresi sastera: Estetika syair-syair terpilih. Dlm. Salleh, M. H. *Pandangan dunia Melayu pancaran sastera*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gani, W. A. (2004). *Hikayat nakhoda muda*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hude, M. D. (2006). *Emosi: Penjelajahan religio-psikologis tentang emosi manusia di dalam al-Quran*. Penerbit Erlangga.
- Kadir, N. H. B. N. A. (2005). *Citra komsas*. Penerbit Universiti Sultan Idris.
- Maksum, M. S. (2009). *The power of air mata*. Mutiara Media.

-
- Omar, A. (1990). *Aspek bahasa dan kajiannya: Kumpulan siri ceramah peristilahan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman, M.B., & Ahmad, M.K. (2015). *Pengantar komunikasi*. Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Zainal, A. (2007). Berfikir dan emosi. Dlm. Zainal, A., & Shuib, M. *Meningkatkan potensi minda*. PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.